

B. Pilih ayat yang betul.

1. **A** Pinggan tembikar ini dibuat dari tanah liat yang telah diproses.
B Sakinah bekerja sebagai editor di sebuah syarikat penerbitan buku.
C Norjiha sangat rindu oleh ibu bapanya di kampung.
D Qaila meluahkan isi hatinya ke rakan baiknya itu.
2. **A** Burhan sanggup berkorban demi masa depan adik-adiknya.
B Puan Norlia mengambil berat dengan pelajaran anak-anaknya.
C Kakak termenung sahaja untuk beberapa hari yang lalu.
D Zaihan dan adiknya pergi di sekolah dengan menaiki basikal.

✓ Sistem Bahasa: Bahagian B

A. Nyatakan betul atau salah bagi ayat-ayat di bawah ini.

- (i) Beliau sangat gembira akan pelantikannya sebagai pengarah syarikat yang baharu.
- (ii) Wen Lin meletakkan buku-buku itu dari raknya semula.
- (iii) "Pen kamu yang hilang itu ada kepada Nathan," kata Janet.
- (iv) Pak Daud sudah menganggap Ridzuan seperti anaknya sendiri.
- (v) Hidup Salma sekeluarga semakin susah sejak kematian ayahnya.

B. Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

- (i) Sufian sering menghabiskan masanya bermain bola sepak di waktu petang.
- (ii) Kami bertolak pulang daripada tempat lawatan itu sebelum pukul 6:00 petang.
- (iii) Majlis penyampaian hadiah disampaikan akan Tuan Haji Rahman.
- (iv) Semua juadah yang dihidangkan oleh majlis itu enak-enak belaka.
- (v) Walaupun mereka adik-beradik kembar, tetapi Hidayu tidak akrab terhadap Haliza.
- (vi) Laluan pada tapak perkhemahan itu agak sunyi pada waktu malam.